

# Impian niaga tercapai jua

**■ PUNB biaya RM100,000 bantu doktor buka klinik veterinar**

Oleh Sri Ayu Kartika Amri  
kartika@hmetro.com.my

Seremban

**M**inat yang mendalam terhadap haiwan mendorong Dr Nor Emeliawati Mohamed Napiah mengambil keputusan berani untuk membuka sendiri klinik veterinar, Emelia Veterinary Clinic di Bandar Sri Sendayan, Seremban, Negeri Sembilan.

Anak ketiga daripada enam adik-beradik ini bertuah kerana bukan saja mendapat sokongan suami, malah ibu bapa beliau adalah orang pertama yang memberi semangat ketika mengambil keputusan untuk berhenti makan gaji.

Selepas tamat pengajian Ijazah Perubatan Doktor Veterinar di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2009, Nor Emeliawati terus mencari pengalaman dan mengasah bakat dengan bekerja di klinik haiwan swasta.

Tamat pengajian, beliau masih belum mempunyai keberanian untuk mengambil risiko ‘terjun’ dalam bidang keusahawanan kerana merasakan perlu menimba pengalaman terlebih dahulu.

“Sejurnya hasrat untuk membuka klinik sendiri sudah lama ada, tetapi saya tidak begitu yakin dan setelah lima tahun bekerja di klinik haiwan swasta kemudian saya berkahwin dan mempunyai anak, hasrat membuka empayar perniagaan sendiri semakin kuat.

“Saya sangat meminati haiwan yang dikategorikan sebagai haiwan kesayangan atau haiwan peliharaan seperti kucing, anjing, arnab, hamster dan sebagainya,” katanya yang kini berusia 30 tahun.

“Ditambah pula dengan dorongan suami yang sentia-

sa menyokong saya, akhirnya syarikat Emelia Veterinary dipilih dan ditubuhkan pada Mei 2013 yang menawarkan perkhidmatan veterinar.

“Ia juga milik sepenuhnya perkongsian saya dan suami,” katanya.

Beliau berkata, keluarga adalah tulang belakangnya dalam merealisasikan impian untuk membuka Emelia Veterinary Clinic. Seperti usahawan lain beliau tidak terkecuali berdepan dengan cabaran menempuh asam garam dunia perniagaan.

Nor Emeliawati berkata, isu pemasaran menjadi antara cabaran utama yang dihadapi ketika mula membuka klinik tersebut.

“Lokasi klinik adalah lokasi yang baru sahaja membangun dan pembangunan di sekitar Bandar Sri Sendayan masih giat dijalankan.

“Walaupun kawasan perumahan sudah penuh, tetapi masih belum ramai pemilik yang pindah masuk ke kawasan ini. Jadi tugas kami semakin berganda kerana perlu meyakinkan mereka mengenai jenis dan mutu perkhidmatan yang boleh kami tawarkan,” katanya yang memperuntukkan modal permulaan sebanyak RM130,000 bagi memulakan perniagaan.

Hakikatnya, merealisasikan impian untuk membuka klinik haiwan bukan hanya dengan berkat doa dan sokongan keluarganya, malah beliau sangat berterima kasih kepada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) yang memberi kepercayaan memberi pembiayaan sebanyak RM100,000 melalui Skim PROSPER Usahawan Muda (PUMA).

Bagi Nor Emeliawati, banyak kelebihan yang diperoleh daripada PUNB. Selain bantuan pembiayaan, agensi

ini turut memberi bimbingan berterusan dengan usahawan akan dimaklumkan mengenai setiap program bimbingan yang disediakan.

Di samping itu, pegawai penyelia juga sentiasa ada untuk membantu usahawan yang memerlukan bantuan sama ada dari segi khidmat nasihat dan pengurusan perniagaan.

“Alhamdulillah, biarpun ketika awal perniagaan terpaksa berdepan situasi turun naik dalam bermula, PUNB tetap memberikan kerjasama yang baik apabila pegawai mereka sendiri sanggup turun ke lokasi untuk melihat bagaimana realiti perniagaan yang kami hadapi.

“Paling penting, mereka juga memberikan banyak idea dan khidmat nasihat cara bagaimana boleh memperbaiki kelemahan yang ada,” katanya.

Beliau berkata, bagi golongan muda yang ingin berniaga jangan teragak-agak untuk menjadi usahawan kerana bermula amat dijalankan dalam agama dan banyak agensi yang menawarkan program keusahawanan dan khidmat nasihat seperti PUNB.

“Kita mesti berusaha mencari maklumat sebegini kerana niat sahaja tanpa disertakan dengan usaha takkan membawa hasil. Sudah pasti dengan bermula masa bersama keluarga juga lebih banyak jika hendak dibandingkan dengan keadaan semasa saya bekerja dahulu.

“Saya sememangnya ber cita-cita besar untuk mendirikan sebuah klinik veterinar yang serba lengkap kerana kemudahan seperti ini amat sukar untuk didapati terutama di kawasan luar bandar,” katanya yang kini dalam misi untuk menambah ilmu pengetahuan yang lebih menda-



NOR Emeliawati sedang merawat kucing yang dibawa pemiliknya, Zuraidah Mohamad kerana mengalami masalah kulit.



NOR Emeliawati memberikan makanan kepada haiwan yang dirawat.



NOR Emeliawati menyediakan peralatan rawatan di kliniknya.

**DR NOR EMELIAWATI MOHAMED NAPIAH**

## PROFIL

**Pendidikan awal:** Sek Keb Petaseh (B) Jelebu, SMK Datuk Undang Musa Al-Haj, Jelebu Negeri Sembilan

**Pendidikan tinggi:** Kolej Matrikulasi Pulau Pinang, Fakulti Perubatan Veterinar UPM Serdang

**Pengalaman bekerja:** Lima tahun

**Nama syarikat:** Emelia Veterinary

**No pendaftaran:** NS0115988-T

**Tahun penubuhan:** 31/5/2013

**Nama klinik:** Emelia Veterinary Clinic

**Lokasi:** No 1763, Jalan Nusari Bayu 7/1, Nusari Biz, Bandar Sri Sendayan, Seremban N.Sembilan

**Jenis perniagaan:** Perkhidmatan veterinar

**Facebook:** Emelia Veterinary Clinic

lam dalam bidang perubatan veterinar dan keusahawanan.

Mengenai situasi ekonomi sekarang yang amat mengejutkan, beliau berpendapat usahawan harus bijak dalam mengatur strategi perniagaan, sentiasa mengikuti isu dan kemahiran terkini.

“Saya sendiri tak pernah jemu untuk menimba ilmu dan peka dengan persekitaran dan isu semasa terutama yang berkaitan dengan kebijakan dan kesihatan haiwan.

“Kegembiraan membuka klinik veterinar ini bukan dinilai daripada keuntungan semata-mata, tetapi kami mengukur kejayaan apabila dapat memberi rawatan terbaik kepada haiwan dan melihat mereka kembali sembah, sekali gus mengembirakan pemilik haiwan berkenaan,” katanya yang mempelawa orang ramai mengunjungi Facebook, Emelia Veterinary Clinic.